

PELUANG KERJAJAYA



Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**IJAZAH
PENGURUSAN
DAN
PROFESIONAL**



**PEGAWAI PERUBATAN
GRED UD43**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kekosongan : 4,263

Simpanan : 2,500

1. Syarat Lantikan

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
- (d) calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah Lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Bidang Pengkhususan

- (a) Perubatan dan Pembedahan; atau
- (b) *Medicine* (Perubatan)

4. Syarat Khusus Lantikan Pegawai Kontrak (Ditetapkan oleh jabatan)

- (a) Calon telah dilantik kontrak (*Contract of Service*) di KKM berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 4 Tahun 2016;
- (b) Calon telah menamatkan latihan siswazah di dalam atau di luar negara;
- (c) Calon merupakan lantikan kontrak mulai **tahun 2016 hingga 2019** sahaja;
- (d) Calon tidak pernah meletak jawatan, tidak pernah ditamatkan perkhidmatan, tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib dan tiada perakuan penamatan kontrak (kecuali atas sebab masalah kesihatan) sepanjang tempoh kontrak;
- (e) Calon tidak pernah menolak tawaran pelantikan tetap; dan
- (f) Calon masih berkhidmat di KKM sehingga tarikh pegawai diarahkan melapor diri sebagai lantikan tetap.

5. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan ijazah dan nombor pendaftaran penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

6. Maklumat Syarat Lantikan

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/pegawai-perubatan-gred-ud41>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya** permohonan **masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan**. Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan **pusat temu duga dikemas kini** sebelum atau pada tarikh tutup iklan berdasarkan **tempat berkhidmat semasa**. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah pada **21 Januari 2023 (Sabtu), jam 11.59 malam**.

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM